- **Pilih:** Memilih menu.
- **Tukar:** Anda boleh menukar menu kegemaran dengan menu lain.
- **Padam:** Memadam menu kegemaran terpilih.
- **Padam semua:** Memadam semua menu kegemaran.
- **Lihat butir:** Memaparkan laluan ke menu kegemaran.



Penukar unit [Menu 3-3]

Ini menukar sebarang ukuran dari satu unit ke satu unit lain.

Terdapat 4 jenis yang boleh ditukarkan kepada unit. Kepingan, Permukaan, Berat dan Isi padu.

1. Pilih satu daripada empat jenis unit dengan menekan kekunci lembut kiri [Unit].
2. Bergerak ke bahagian Unit semasa dengan menekan kekunci pandu arah bawah.
3. Pilih unit yang ingin anda tukar menggunakan kekunci-kekunci pandu arah kiri/kanan.
4. Bergerak ke bahagian Tukar unit dengan menekan kekunci pandu arah bawah.
5. Pilih unit yang ingin anda tukar kepadanya, menggunakan kekunci-kekunci pandu arah kiri/kanan.
6. Masukkan nombor-nombor menggunakan kekunci angka. Penukaran dikira secara automatik.



Nota

- Anda boleh memasukkan nombor perpuluhan dengan menekan kekunci $\frac{\square}{\square}$.



Alat [Menu 3]

Kalkulator [Menu 3-4]




Menggunakan ciri ini, anda boleh menggunakan telefon sebagai kalkulator. Kalkulator menyediakan fungsi-fungsi kira-kira asas. tambah, tolak, darab dan bahagi.

Menggunakan kalkulator

1. Masukkan nombor pertama menggunakan kekunci-kekunci angka.
2. Tekan kekunci pandu arah yang sepadan untuk memilih fungsi kira-kira.



Nota

- Untuk memadam sebarang kesilapan atau mengosongkan paparan, gunakan kekunci .
- Untuk memasukkan titik perpuluhan, tekan kekunci .
- Untuk memasukkan tanda tolak, tekan kekunci .

3. Untuk menghitung hasil, tekan kekunci lembut kiri [Keputusan] atau kekunci OK.
4. Selepas pengiraan, tekan kekunci lembut kiri [Padam] untuk kembali kepada keadaan asal.

Masa Dunia [Menu 3-5]

Anda boleh memeriksa waktu semasa Waktu Min Greenwich (GMT) dan 52 bandar besar di seluruh dunia, menggunakan kekunci-kekunci pandu arah kiri/kanan.

Skrin menunjukkan nama bandar, tarikh dan waktu semasa.

Untuk memilih zon masa di mana anda berada, lakukan yang berikut:



1. Pilih bandar yang sepadan dengan zon masa anda dengan menekan kekunci-kekunci pandu arah kiri/kanan satu kali atau lebih. Tarikh dan masa tempatan dipaparkan.
2. Jika anda mahu menukar paparan masa dalam mod tunggu sedia kepada masa yang dipilih, tekan kekunci lembut kiri [Tetap].



Nota

- Tetapan zon masa bagi setiap bandar dalam menu **Masa dunia** mungkin terjejas oleh keadaan rangkaian.

Perakam suara [Menu 3-6]

Anda boleh merakam memo. Anda boleh merakam sehingga 3 memo suara sehingga maksimum 30 saat setiap satu.

Anda boleh bermain atau memadam memo yang dirakam atau merakam memo suara baru menggunakan kekunci lembut kiri kekunci [Pilihan]

Rakam baru [Menu 3-6-1]

1. Untuk merakam memo suara, pilih **Rakam baru**.
2. Setelah rakaman dimulakan, mesej 'Merakam...' dan masa rakaman dipaparkan.
3. Apabila anda selesai merakam, tekan kekunci lembut kiri [Simpan].



Nota

- Jika semua lokasi memo penuh, anda mesti memadam satu memo lama sebelum merakamkan yang baru.




Alat [Menu 3]

Lihat senarai [Menu 3-6-2]

Telefon menunjukkan senarai memo suara, bermula dengan memo yang paling baru. Anda boleh memmain atau memadam memo yang dirakamkan, atau menghantarnya melalui MMS dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan]. Anda juga boleh memadam semua memo.

Akatifkan [Menu 3-7]

Ciri ini membolehkan anda menghantar atau menerima data/faks menerusi port inframerah. Untuk menggunakan sambungan inframerah:

- Pasang pemacu modem untuk menerima dan menghantar data/faks.
- Pasang perisian dailan rangkaian yang dibekalkan oleh pembekal rangkaian anda atau program aplikasi faks untuk panggilan faks pada PC anda.
- Tatarajah dan aktifkan port inframerah yang mematuhi IrDA pada PC anda.
- Aktifkan ciri inframerah pada telefon; simbolnya  muncul di sebelah akanan di bahagian bawah paparan.
- Panggil nombor servis rangkaian yang diberikan kepada anda oleh pembekal servis.

Jika tiada komunikasi antara telefon anda dengan peranti yang mematuhi IrDA itu dalam masa 30 saat setelah mengaktifkan ciri tersebut, ia dinyahaktifkan secara automatik.

Untuk butiran lanjut, hubungi pembekal servis anda.



Nota

- PC Sync ialah sebuah program untuk pertukaran data antara PC dan telefon melalui kabel data. Oleh itu, jika anda mahu menggunakan fungsi ini, anda memerlukan kit aksesori. Untuk maklumat lanjut, anda boleh menggunakan fail Bantuan PC Sync pada CD.
- Dengan ciri IrDA, anda boleh memindahkan apa sahaja yang anda mahu seperti entri buku telefon, mesej, gambar, klip video, dll.



Penyelenggara [Menu 4]

Tekan kekunci Menu (\square). Pilih **Penyelenggara** menggunakan kekunci-kekunci panduan arah.

Buku telefon [Menu 4-1]

Anda boleh menyimpan nombor-nombor telefon dan nama-nama yang sepadan di dalam memori kad SIM anda. Selain itu, anda boleh menyimpan sehingga 255 nombor dan nama di dalam memori telefon.

Tekan kekunci lembut kiri [Menu] dalam mod tunggu sedia, kemudian pilih **Penyelenggara** → **Buku telefon**.

Atau, tekan kekunci lembut kiri [Nama] dalam mod tunggu sedia.

Cari [Menu 4-1-1]

1. Dalam mod tunggu sedia, tekan kekunci lembut kanan [Nama]. Pilih **Cari**.
2. Masukkan permulaan nama yang ingin anda cari.
3. Selepas menemui nama yang diingini, anda boleh membuat panggilan ke nombor itu dengan menekan kekunci hantar (\square). Atau tekan kekunci kiri [Pilihan] untuk menggunakan pilihan-pilihan yang berikut.
 - **Tulis mesej teks** : Gunakan ini untuk menulis mesej teks kepada nama.
 - **Tulis mesej multimedia**: Gunakan ini untuk menulis mesej multimedia kepada nama.
 - **Paparan foto**: Menunjukkan semua imej yang disimpan di dalam buku telefon. Anda boleh mencari buku telefon melalui foto.
 - **Suara**: Rakamkan nama entri buku telefon yang dipilih untuk dailan diaktif suara.
 - **Edit**: Mengedit nama, nombor kumpulan senarai dan foto.



- **Salin:** Gunakan ini untuk menyalin entri buku telefon dari kad SIM ke memori telefon atau sebaliknya. Pilih sama ada hendak menyimpan nombor telefon asal atau tidak.
- **Padam:** Memadam entri buku telefon.
- **Lihat butir:** Untuk melihat butiran bagi nama yang dipilih.

Tambah baru [Menu 4-1-2]

Anda boleh menambah entri buku telefon menggunakan fungsi ini.

Terdapat 2 memori: Memori telefon dan memori SIM. Untuk memilih memori, pergi ke **Tetapkan memori** [Menu 4-1-8]. Muatan memori telefon ialah 255 entri. Anda boleh memasukkan sehingga 20 aksara dalam setiap nama di dalam memori telefon. Muatan memori kad SIM bergantung kepada kad SIM.

1. Buka **Buku telefon** dahulu dengan menekan kekunci lembut kanan [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. Tatal untuk menyerlahkan **Tambah baru**, dan tekan [OK].
3. Anda boleh menambah entri buku telefon yang baru pada memori kad SIM atau memori telefon. Untuk memilih memori, pergi ke **Tetapkan memori** [Menu 4-1-8].
(Rujuk kepada halaman 63.)

- **Menambah entri baru ke dalam memori kad SIM**

Anda boleh memasukkan nama dan nombor, memilih kumpulan pemanggil, dan melampirkan imej foto.
(Bergantung kepada SIM)


- **Menambah entri baru ke dalam memori telefon.**

Anda boleh memasukkan nama, nombor, alamat E-mel dan memo, memilih kumpulan pemanggil, dan melampirkan imej foto.



Penyelenggara [Menu 4]

Petua



- Ciri berhenti sejenak: Apabila anda memanggil sistem-sistem automatik (seperti nombor mel suara atau bil kredit), anda kerap memasukkan satu siri nombor. Anda juga boleh memasukkan nombor-nombor ini secara manual, dan anda boleh menyimpan nombor-nombor ini di dalam buku telefon menggunakan ciri Berhenti sejenak. Di antara nombor-nombor untuk memasukkan berhenti sejenak, tekan dan tahan .



Nota

- Telefon ini menyokong ciri ID pemanggil foto.

Dail laju [Menu 4-1-3]

Anda boleh memberi sebarang kekunci  hingga  dengan satu entri senarai nama. Anda boleh memanggil langsung dengan menekan kekunci ini selama 2-3 saat.

1. Buka **Buku telefon** dahulu dengan menekan kekunci lembut kanan [Nama] dalam mod tunggu sedia.
2. Tatal ke **Dail laju**, kemudian tekan [OK].
3. Untuk menambah nombor pada **Dail laju**, tekan kekunci lembut [Tambah]. Cari nama menerusi buku telefon.
4. Anda boleh menukar atau memadam nombor dail cepat, membuat panggilan atau menghantar mesej dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].



Senarai suara [Menu 4-1-4]

Anda boleh memeriksa semua nombor telefon yang mempunyai dailan diaktif suara diberikan kepadanya. Anda juga boleh memanggil langsung dengan menekan kekunci [Hantar]. Selepas memilih nombor telefon menggunakan kekunci-kekunci pandu arah atas/bawah dan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan]. Anda dapat melihat submenu-submenu yang berikut:

- **Tambah baru:** Menambah nombor telefon baru untuk dailan diaktif suara.
- **Main:** Memainkan balik tag suara yang diberikan kepada nombor telefon.
- **Tukar:** Menukar tag suara yang diberikan kepada nombor telefon.
- **Padam:** Memadam tag suara yang diberikan kepada nombor telefon.
- **Padam semua:** Memadam semua nombor dailan diaktif suara.



Nota

- Anda boleh memasukkan sehingga 10 nombor telefon untuk dail suara.

Kumpulan pemanggil [Menu 4-1-5]

Terdapat 6 kumpulan yang dipraktakrif, serta satu kumpulan tambahan yang dilabel **Lain-lain**, di mana anda boleh membuat senarai.

1. Pilih **Kumpulan pemanggil** Setiap senarai kumpulan akan dipaparkan. **Keluarga, VIP, Kawan-kawan, Rakan sekerja, Kumpulan 1, Kumpulan 2, dan Lain-lain.**
2. Pilih nama kumpulan yang anda mahu uruskan dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan]. Submenu-submenu berikut akan dipaparkan kecuali **Lain-lain**.



Penyelenggara [Menu 4]

- **Tambah anggota:** Tambah anggota kepada kumpulan.
- **Senarai anggota:** Memaparkan senarai anggota di dalam kumpulan.
- **Nada dering kumpulan:** Gunakan ini untuk memilih nada deringan apabila anda menerima panggilan telefon suara daripada seseorang di dalam kumpulan ini.
- **Ikon kumpulan:** Gunakan ini untuk memilih ikon grafik yang hendak dipaparkan apabila anda menerima panggilan daripada seseorang di dalam kumpulan ini.
- **Namakan semula :** Memberikan nama baru kepada kumpulan.
- **Padam anggota:** Padam anggota dari kumpulan.

Salin semua [Menu 4-1-6]


Anda boleh menyalin/memindahkan entri-entri dari memori kad SIM ke memori telefon dan sebaliknya.

- **SIM ke telefon:** Gunakan ini untuk menyalin entri dari Kad SIM ke memori Telefon.
- **Telefon ke SIM:** Gunakan ini untuk menyalin entri dari memori Telefon ke Kad SIM.

Pilihan-pilihan berikut terdapat.

- **Simpan yang asal:** Apabila menyalin, nombor dail asal disimpan.
- **Padam yang asal:** Apabila menyalin, nombor dail asal akan dipadam.

Padam semua [Menu 4-1-7]


Anda boleh memadam semua entri di dalam **SIM**, Telefon dan **Senarai suara**. Kecuali Senarai suara, fungsi ini memerlukan kod keselamatan. Tekan  untuk kembali ke mod tunggu sedia.



Tetapkan memori [Menu 4-1-8]




Anda boleh memilih memori bagi ciri Buku telefon antara SIM dengan telefon. Jika anda memilih **Berbagai**, apabila menambah entri, telefon akan bertanya di mana untuk menyimpan nombor.

Maklumat [Menu 4-1-9]

- **Nombor dail servis (Bergantung kepada SIM):** Gunakan fungsi ini untuk melihat Nombor-Nombor Dail Servis (SDN) yang diberikan oleh operator rangkaian anda (jika disokong oleh kad SIM). Nombor-nombor demikian termasuk nombor-nombor kecemasan, pertanyaan direktori dan mel suara.
 1. Pilih pilihan Nombor dail servis.
 2. Nama servis-servis yang terdapat akan ditunjukkan.
 3. Gunakan kekunci-kekunci pandu arah atas/bawah untuk memilih satu servis. Tekan .
- **Periksa memori:** Anda boleh memeriksa status memori semasa kad SIM dan memori telefon.
- **Nombor sendiri (Bergantung kepada SIM):** Gunakan ini untuk memaparkan nombor telefon anda di dalam kad SIM.



Jam loceng [Menu 4-2]

Anda boleh menetapkan penggera untuk berbunyi pada masa yang ditentukan.

1.  **Pasang/padam penggera:** Pilih **Pasang** menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan. Untuk menyahaktifkan fungsi penggera, pilih **padam**.
2.  **Masa penggera:** Masukkan masa penggera menggunakan kekunci-kekunci angka.
3.  **Ulangan:** Pilih yang diinginkan daripada **Sekali, Harian, Mingguan** dan **Bulanan** menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan.









Penyelenggara [Menu 4]

4.  **Melodi penggera:** Pilih melodi penggera yang diinginkan menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan.
5. Tekan kekunci lembut kiri [Pilih] atau kekunci OK.
Apabila fungsi penggera diaktifkan,  ditunjukkan dalam mod tunggu sedia.
Apabila masa penggeraan tiba, ia membunyikan melodi penggera.
► Untuk mematikan penggera, tekan kekunci lembut kanan [Keluar].


Jadual [Menu 4-3]

Apabila anda memasuki menu ini, satu kalendar dibuka. Kursor segi empat terletak pada tarikh semasa. Anda boleh menggerakkan kursor ke tarikh lain menggunakan kekunci-kekunci pandu arah. Pada kalendar, anda boleh menggunakan kekunci-kekunci berikut.


Setiap tekanan	 melangkau balik setahun.
	 melangkau ke depan setahun.
	 atau  melangkau balik sebulan.
	 atau  melangkau ke depan sebulan.

Untuk kembali ke tarikh hari ini, tekan .

Untuk memasukkan nota jadual pada hari yang dipilih,

1. Tekan kekunci lembut kiri [Pilih] dan pilih **Tambah baru**.
2. Masukkan nota. Dan tetapkan masa penggera.
3. Pilih yang diinginkan daripada pilihan-pilihan ulangan.
4. Pilih bila hendak menggera.
 **Nota:** Penggera Jadual akan berfungsi walaupun telefon dimatikan.
5. Tekan kekunci lembut kiri [Simpan] atau kekunci OK.



Selepas jadual dimasukkan pada tarikh, tarikh ditunjukkan dalam warna yang berlainan dan  muncul di bahagian bawah kanan skrin.

Fungsi ini mengingatkan anda tentang jadual anda. Telefon akan membunyikan nada penggeraan jika anda menetapnya untuk berbuat demikian.

Pilihan-pilihan berikut terdapat.

Tambah baru: Anda boleh mengedit maksimum 40 aksara dan mengambil sehingga 30 nota.

Lihat semua jadual: Menunjukkan nota-nota yang ditetapkan bagi semua hari. Gunakan kekunci-kekunci pandu arah atas/bawah untuk menyemak imbas senarai-senarai nota.

Pergi ke tarikh: Gunakan ini untuk melompat ke tarikh tertentu. Masukkan tarikh menggunakan kekunci-kekunci angka dan kekunci pandu arah kiri/kanan.

Kalendar: Pergi balik ke kalendar.

Edit: Gunakan ini untuk mengedit jadual.

Nada jadual: Telefon boleh membunyikan nada penggeraan apabila tarikh dan masa yang dijadualkan untuk sesuatu acara telah tiba. Pilih nada penggeraan yang diinginkan.

Padam: Gunakan ini untuk memadam jadual.

Padam yang lalu: Anda boleh memadam nota-nota jadual yang tamat tempohnya yang telah diberitahu.

Padam semua: Gunakan ini untuk memadam semua jadual. Anda diminta mengesahkan tindakan ini.



Memo [Menu 4-4]

Tambah baru [Menu 4-4-1]

Gunakan ini untuk menambah memo baru. Telefon ini boleh menyimpan sehingga 20 memo dan 60 aksara bagi setiap memo. Masukkan memo dan kemudian tekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

- **Simpan:** Membolehkan anda menyimpan memo.
- **Bahasa T9:** Pilih bahasa T9 untuk digunakan dalam memo.
- **Keluar editor:** Membolehkan anda keluar dari editor memo.

Lihat senarai [Menu 4-4-2]

Pilih menu ini untuk memeriksa memo-memo yang telah anda ambil.

1. Pilih satu memo.
2. Tekan kekunci lembut kiri [Pilih].



Nota

- Memo yang dipilih dibuka. Dan menggunakan kekunci pandu arah atas/bawah, anda boleh melihat langsung memo-memo lain tanpa pergi balik ke senarai memo.

3. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan]. Pilihan-pilihan berikut terdapat.
 - **Edit:** Anda boleh mengedit memo yang terpilih.
 - **Padam:** Memadam memo terpilih.
 - **Padam Semua:** Memadam semua memo. Anda diminta mengesahkan tindakan ini.




Tekan kekunci Menu (\square) dan pilih **Mesej** menggunakan kekunci-kekunci pandu arah.


Mesej teks [Menu 5-1]

Telefon anda menerima mesej-mesej pemberitahuan mel suara dan mesej-mesej Servis Mesej Ringkas (SMS).

Mel suara dan SMS adalah servis rangkaian. Sila hubungi operator rangkaian anda untuk maklumat lanjut.

Apabila  ikon muncul, anda telah menerima mel suara.

Apabila  ikon muncul, anda telah menerima mesej teks baru.

Jika memori mesej penuh, satu mesej dipaparkan,  ikon memancar dan anda tidak boleh menerima sebarang mesej baru.

Gunkan pilihan **Padam** di dalam menu **Kotak masuk** untuk memadam mesej-mesej yang lama.

Sebaik sahaja terdapat ruang di dalam memori mesej, sebarang mesej SMS yang tidak dihantar akan diterima (dengan syarat terdapat ruang yang mencukupi).

Tulis [Menu 5-1-1]

Anda boleh menulis dan mengedit mesej teks sehingga 6 halaman. (kira-kira 918 aksara)

1. Masukkan mesej anda. Untuk butiran mengenai cara memasukkan teks, rujuk kepada halaman 31 hingga 34 (Memasukkan Teks).
2. Selepas anda selesaikan mesej, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] untuk memilih pilihan yang diperlukan. Pilihan-pilihan berikut terdapat.
 - **Hantar:** Masukkan nombor atau pilih nombor dari buku telefon atau nombor-nombor baru menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan]. Anda boleh menghantar mesej sehingga 5 nombor telefon pada satu masa.




Mesej [Menu 5]

- **Simpan ke draf:** Membolehkan anda menyimpan mesej supaya ia boleh dihantar kemudian.
 - **Bahasa T9:** Pilih bahasa untuk mod input T9. Anda juga boleh mengaktifkan mod input T9 dengan memilih 'T9 padam'. Untuk butiran lanjut mengenai mod T9, rujuk kepada halaman 31 hingga 33.
 - **Padam teks:** Memadam seluruh teks.
 - **Keluar editor:** Membolehkan anda keluar dari menu **Tulis**.
3. Anda juga boleh menghantar lampiran-lampiran dengan mesej dengan menekan kekunci lembut kanan [Lampir], semasa anda memasukkan mesej.
- **Simbol:** Anda boleh melampirkan aksara-aksara khas.



Nota

- Anda boleh memasukkan aksara-aksara khas dengan menekan () semasa memasukkan mesej.
- **Emotikon:** Anda boleh meletakkan pelbagai emotikon yang dipratetap di dalam telefon.
- **Gambar:** Anda boleh menghantar dan menerima mesej teks yang mengandungi gambar, yang disebut sebagai 'Mesej bergambar'. Beberapa gambar yang dipratetap terdapat di dalam telefon dan ia boleh digantikan dengan yang baru yang diterima daripada sumber-sumber lain.
- **Animasi:** Melampirkan animasi di dalam mesej boleh dilakukan menerusi EMS (Servis Mesej Tertingkat). Anda boleh memilih mana-mana satu daripada 15 animasi di dalam telefon.
- **Bunyi:** Jika terdapat, anda boleh melampirkan bunyi yang terdapat untuk mesej ringkas.



- **Templat teks:** Anda boleh menggunakan templat teks yang telah pun ditetapkan di dalam telefon.
- **Nombor telefon:** Anda boleh menambah nombor telefon di dalam mesej.
- **Kad nama:** anda boleh melampirkan kad nama anda.







Kotak masuk [Menu 5-1-2]

Mesej teks dan mesej kelui yang diterima boleh dicari dan kandungannya boleh dilihat.

Mesej yang diterima dipaparkan mengikut susunan tarikh.

Tekan kekunci menu dan pilih **Mesej** → **Mesej teks** → **Kotak masuk**.

Atau, anda boleh mengambil pintasan dengan menekan kekunci pandu arah kanan (→) dalam mod tunggu sedia.

Ikon	Perihal
	Mesej SIM terbaca
	Mesej SIM belum terbaca
	Mesej terbaca
	Mesej belum terbaca
	Laporan penghantaran terbaca
	Laporan penghantaran belum terbaca



Nota

- Mesej SIM merujuk kepada mesej yang disimpan di dalam Memori SIM. Dan rangkaian membezakan mesej masuk kepada mesej SIM atau mesej sahaja.



Mesej [Menu 5]

Setiap mesej yang diterima mempunyai pilihan-pilihan berikut yang terdapat. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

- **Jawab:** Menjawab mesej yang diterima.
- **Ke hadapan:** Mengemukakan mesej yang diterima kepada penerima-penerima lain.
- **Balas panggilan:** Memanggil telefon penghantar.
- **Mengeluarkan:** Mengeluarkan gambar, bunyi, halaman web teks atau alamat e-mel dari mesej. Ini akan disimpan di dalam Folder saya, Buku telefon, atau penanda buku.
- **Padam:** Memadam mesej yang terpilih dari Peti masuk.

Kotak keluar [Menu 5-1-3]

Anda boleh melihat senarai dan kandungan mesej-mesej yang dihantar di dalam menu ini dan boleh juga menentusahkan sama ada penghantaran telah berjaya.

Ikon	Perihal
	Mesej SIM dihantar
	Mesej dihantar

Pilihan-pilihan berikut terdapat.

- **Ke hadapan:** Mengemukakan mesej semasa kepada penerima-penerima lain.
- **Padam:** Memadam mesej yang terpilih dari Peti keluar.

Draf [Menu 5-1-4]

Dalam menu ini, anda boleh melihat senarai mesej yang disimpan sebagai draf. Tatal senarai menggunakan kekunci pandu arah atas/bawah. Anda boleh menghantar mesej draf dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].



Aturan [Menu 5-1-5]

Menu ini membolehkan anda menyediakan maklumat SMS lalai.

- **Jenis mesej:** Menetapkan jenis mesej lalai (Teks, Suara, Faks, Mengelui, X.400, E-mel, dan ERMES). Rangkaian boleh menukar mesej-mesej kepada format yang dipilih.
- **Tempoh kesahan:** Menetapkan tempoh masa untuk menyimpan mesej teks anda di pusat SMS sementara percubaan dibuat untuk menghantar ia kepada penerima. Nilai-nilai yang mungkin adalah 30 minit, 1 jam, 6 jam, 1 hari, 1 minggu dan maksimum yang dibenarkan oleh operator rangkaian anda.
- **Kertas:** Anda boleh memasukkan satu daripada 4 imej kertas hias dinding pada mesej teks.
- **Laporan penghantaran:** Mengaktifkan atau menyahaktifkan fungsi laporan. Apabila fungsi ini diaktifkan, rangkaian memberitahu anda sama ada mesej anda telah dihantar atau tidak.
- **Bayar untuk jawapan:** Membolehkan penerima mesej SMS anda menghantar jawapan kepada anda melalui pusat mesej anda, jika servis ini disediakan oleh rangkaian.
- **Nombor pusat mesej:** Menyimpan atau menukar nombor pusat SMS anda apabila menghantar mesej teks. Anda mestilah mendapatkan nombor ini daripada pembekal servis anda.
- **Tetapan pembawa:** Memilih GPRS atau GSM. Hubungi operator rangkaian anda atau pembekal servis untuk maklumat yang berkaitan dengan penetapan pembawa, harga, dan kelajuan sambungan.




Mesej [Menu 5]

Mesej multimedia (MMS) [Menu 5-2]

Mesej multimedia boleh mengandungi teks, imej, dan/atau klip bunyi. Ciri ini boleh digunakan hanya jika ia disokong oleh operator rangkaian atau pembekal servis anda. Hanya peranti-peranti yang menawarkan ciri-ciri mesej multimedia atau e-mel boleh menerima dan menghantar mesej multimedia.

Tulis mesej [Menu 5-2-1]

1. Masukkan mesej teks. Menggunakan kekunci lembut kanan, anda boleh memasukkan simbol, nombor dan emotikon, atau memilih mod input teks. Selepas input mesej teks, tekan kekunci lembut kiri [Siap].
2. Tambahkan imej dan/atau bunyi. Anda boleh bergerak ke bahagian seterusnya menggunakan pandu arah atas/bawah.
3. Anda boleh menambah slaid dengan menggerakkan kursor pada , kemudian tekan kekunci OK atau kekunci lembut kiri [Pilih]. Anda juga boleh menambah slaid menggunakan kekunci lembut kanan [Menu].



Nota

- Sehingga 9 slaid boleh ditampung.









4. Tekan kekunci lembut kanan [Menu]. Pilihan-pilihan berikut terdapat.
 - **Hantar:** Pilih ini untuk menghantar mesej multimedia. Telefon ini menyokong berbilang nombor dan alamat e-mel.
 - **Pandangan terdahulu:** Memaparkan mesej multimedia yang ingin anda hantar.
 - **Simpan:** Anda boleh menyimpan mesej multimedia dalam draf atau sebagai templat.



- **Padam:** Memadam mesej yang telah anda buat.
- **Tempoh slaid:** Tetapkan tempoh slaid. Masukkan tempoh yang diinginkan menggunakan pad kekunci angka.
- **Format slaid:** Pilih di mana hendak menjajarkan imej.
- **Tambah slaid:** Menambah slaid sebelum atau sesudah slaid semasa.
- **Padam slaid:** Memadam slaid terpilih.

Kotak masuk [Menu 5-2-2]

Anda akan diberitahu apabila anda telah menerima mesej. Ia akan disimpan di dalam Peti masuk. Anda boleh mengenal pasti setiap mesej melalui ikon. Untuk butiran, lihat perihalan ikon di bawah.

Ikon	Perihalan
	Mesej biasa terbaca
	Mesej biasa belum terbaca
	Mesej maklumat terbaca
	Mesej maklumat belum terbaca
	Mesej keutamaan tinggi terbaca
	Mesej keutamaan tinggi belum terbaca
	Mesej keutamaan rendah terbaca
	Mesej keutamaan rendah belum terbaca

Jika telefon memaparkan 'Tiada ruang untuk mesej', anda boleh membuat ruang dengan memadam mesej, media dan aplikasi.



Mesej [Menu 5]

- **Henti pemasa:** Menu Henti pemasa dipaparkan apabila anda menerima mesej termasuk pelbagai gambar. Biasanya, gambar-gambar dipaparkan secara berurutan dengan automatik. Bagaimanapun, jika anda memilih menu ini, anda boleh melihat gambar seterusnya dengan menekan kekunci lembut kiri [Berikut] secara manual.
- **Mula pemasa:** Pilih ini untuk mengaktifkan persembahan slaid secara automatik sekali lagi.
- **Slaid sebelumnya:** Memaparkan halaman yang sebelumnya.
- **Mula semula:** Memulakan semula persembahan slaid dari slaid pertama.
- **Simpan mesej:** Menyimpan mesej multimedia dalam bentuk draf atau sebagai templat.
- **Simpan item:** Mengeluarkan gambar atau bunyi: Ia akan disimpan di dalam Folder saya atau Buku telefon.
- **Butir:** Memaparkan maklumat mengenai mesej-mesej yang diterima: Alamat penghantar, Subjek (hanya untuk Mesej multimedia), Tarikh & masa mesej, Jenis mesej, Saiz mesej.
- **Jawab:** Menjawab penghantar.
- **Jawab semua:** Menjawab semua penghantar.
- **Padam mesej:** Memadam mesej semasa.
- **Ke hadapan:** Mengemukakan mesej terpilih semasa kepada penerima-penerima lain.

Kotak keluar [Menu 5-2-3]

Gunakan ini untuk melihat mesej yang dihantar. Untuk setiap mesej yang dihantar, anda boleh melihat status penghantaran.

Ikon	Perihal
	Dihantar



- **Henti pemasa:** Menu Henti pemasa dipaparkan apabila anda menerima mesej termasuk pelbagai gambar. Biasanya, gambar-gambar dipaparkan secara berurutan dengan automatik. Bagaimanapun, jika anda memilih menu ini, anda boleh melihat gambar seterusnya dengan menekan kekunci lembut kiri [Berikut] secara manual.
- **Mula pemasa:** Pilih ini untuk mengaktifkan persembahan slaid secara automatik sekali lagi.
- **Slaid sebelumnya:** Memaparkan halaman yang sebelumnya.
- **Mula semula:** Memulakan semula persembahan slaid dari slaid pertama.
- **Simpan mesej:** Menyimpan mesej multimedia dalam bentuk draf atau sebagai templat.
- **Simpan item:** Mengeluarkan gambar atau bunyi: Ia akan disimpan di dalam Folder saya atau Buku telefon.
- **Butir:** Memaparkan maklumat mengenai mesej-mesej yang diterima: Alamat penghantar, Subjek (hanya untuk Mesej multimedia), Tarikh & masa mesej, Jenis mesej, Saiz mesej.
- **Padam mesej:** Memadam mesej semasa.
- **Ke hadapan:** Mengemukakan mesej terpilih kepada penerima-penerima lain.

Draf [Menu 5-2-4]

Menggunakan menu ini, anda boleh pratetap sehingga lima mesej multimedia yang paling sering anda gunakan. Menu ini menunjukkan senarai mesej multimedia yang diparatetap.

Pilihan-pilihan berikut terdapat.

- **Hantar:** Pilih ini untuk menghantar mesej multimedia. Telefon ini menyokong berbilang nombor dan alamat e-mel.



Mesej [Menu 5]

- **Pandangan terdahulu:** Memaparkan mesej multimedia yang ingin anda hantar.
- **Simpan:** Anda boleh menyimpan mesej multimedia dalam draf atau sebagai templat.
- **Padam:** Memadam mesej yang telah anda buat.
- **Tempoh slaid:** Tetapkan tempoh slaid. Masukkan tempoh yang diinginkan menggunakan pad kekunci angka.
- **Format slaid:** Pilih di mana hendak menjajarkan imej.
- **Tambah slaid:** Menambah slaid sebelum atau sesudah slaid semasa.
- **Padam slaid:** Memadam slaid terpilih.

Aturan [Menu 5-2-5]

Melalui menu ini, anda boleh menyediakan maklumat mesej multimedia lalai.

Pilihan-pilihan berikut terdapat.


- **Tajuk mesej:** Masukkan tajuk mesej.
- **Tempoh slaid:** Tetapkan tempoh setiap slaid.
- **Penjajaran:** Pilih di mana hendak menjajarkan imej.
- **Tempoh kesahan:** Tetapkan tempoh untuk menyimpan mesej pada pelayan rangkaian.
- **Muat turun automatik**
 - **Pasang:** Jika anda memilih ini, mesej dimuat turun secara automatik apabila diterima.
 - **Sahkan:** Memerlukan anda mengesahkan anda mahu memuat turun mesej.
 - **Padam:** Menunda muat turun mesej.
- **Profil:** Lihat halaman 104 untuk maklumat lanjut.



Mesej suara [Menu 5-3]


Menu ini menyediakan anda dengan cara cepat mengakses peti mel suara anda (jika disediakan oleh rangkaian anda).

Sebelum menggunakan ciri ini, anda mestilah memasukkan nombor pelayan suara yang diperolehi daripada operator rangkaian anda.

Apabila mesej suara baru diterima, simbol  akan dipaparkan pada skrin. Sila periksa dengan pembekal rangkaian anda untuk butiran servis mereka bagi menatarajah telefon sewajarnya.

Dengar mesej [Menu 5-3-1]

Setelah pilihan ini dipilih, tekan sahaja kekunci lembut kiri [OK] untuk mendengar mesej suara.

Anda juga boleh menekan kekunci  dalam mod tunggu sedia untuk mendengar mesej suara.

Pusat mel suara [Menu 5-3-2]

Anda boleh menginput dan menetapkan pusat peti mel suara.

servis maklumat [Menu 5-4]

Mesej servis informasi adalah mesej teks yang dihantar oleh rangkaian kepada pengguna telefon bimbit. Ia memberi maklumat umum seperti laporan cuaca, berita lalu lintas, teksi, farmasi, dan harga saham. Setiap maklumat berkaitan dengan satu nombor, yang boleh diperolehi daripada operator rangkaian. Apabila anda menerima mesej servis informasi, satu mesej pop naik akan menunjukkan penerimaan mesej baru atau mesej servis informasi akan dipaparkan langsung. Dalam mod tunggu sedia, pilihan-pilihan berikut terdapat apabila melihat mesej-mesej servis informasi.



Mesej [Menu 5]

Terima [Menu 5-4-1]

Gunakan ini untuk memasang atau menutup penerimaan mesej siaran.

Kotak masuk [Menu 5-4-2]

Senarai mesej siaran yang diterima boleh dicari dan kandungannya dilihat.

Topik [Menu 5-4-3]

(Bergantung kepada rangkaian dan langganan)

Untuk membuat topik baru, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] kemudian pilih **Tambah baru**. Jika anda telah pun mempunyai topik-topik, anda boleh menyahaktifkan, mengedit, atau memadamnya dengan menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan].

Awas [Menu 5-4-4]

Tetapkan isyarat **Pasang** atau **Padam** untuk mesej siaran baru.

Auto pamer [Menu 5-4-5]

Jika anda pilih pilihan ini **Pasang**, semua mesej siaran yang diterima akan dipaparkan secara automatik.

Bahasa [Menu 5-4-6]

(Bergantung kepada rangkaian dan langganan)

Pilihan ini membolehkan anda memilih bahasa-bahasa yang dipilih. Mesej siaran sel akan dipaparkan dalam bahasa terpilih. Jika anda menggunakan semua bahasa yang disokong oleh telefon, pilih **Automatik** di akhir senarai.



Templat [Menu 5-5]

Terdapat mesej-mesej yang dipraktakrif di dalam senarai. Anda boleh melihat dan mengedit mesej-mesej templat atau membuat mesej-mesej baru. Dua jenis templat terdapat: Teks dan Multimedia:

Mesej teks [Menu 5-5-1]

- **Panggil saya kembali.**
- **Saya lewat. Saya akan berada di sana...**
- **Di mana awak sekarang?**
- **Saya dalam perjalanan.**
- **Sangat penting. Sila hubungi balik.**
- **Saya cinta pada kamu.**

Pilihan-pilihan berikut terdapat.

- **Edit:** Gunakan ini untuk menulis mesej baru atau mengedit mesej templat terpilih dari senarai templat.
- **Padam:** Memadam mesej templat terpilih dari senarai templat teks.
- **Hantar dengan mesej teks:** Gunakan ini untuk menghantar mesej templat terpilih melalui SMS.
- **Hantar dengan mesej multimedia:** Gunakan ini untuk menghantar mesej templat terpilih melalui MMS.
- **Tambah baru:** Gunakan ini untuk membuat templat baru.



Mesej [Menu 5]

Mesej multimedia [Menu 5-5-2]

- **Hantar:** Menghantar templat multimedia. Menyokong berbilang nombor dan alamat e-mel.
- **Pandangan terdahulu:** Memaparkan mesej multimedia draf.
- **Simpan:** Menyimpan mesej multimedia dalam bentuk draf atau sebagai templat.
- **Padam:** Memadam templat multimedia.
- **Tempoh slaid:** Tetapkan tempoh slaid. Masukkan tempoh yang diinginkan menggunakan pad kekunci angka.
- **Format slaid:** Pilih di mana hendak menjajarkan imej.
- **Tambah Slaid:** Menambah slaid sebelum atau sesudah slaid semasa.
- **Padam Slaid:** Memadam slaid yang diserlah.

Kad nama [Menu 5-6]

Pilihan ini membantu anda membuat kad nama anda sendiri.

1. Tekan kekunci lembut kiri [Tambah].
2. Masukkan nama, nombor telefon bimbit, nombor pejabat, nombor Faks, dan alamat E-mel.
3. Tekan kekunci lembut kiri [Simpan]. Dengan kad nama. Pilihan-pilihan berikut terdapat.
 - **Edit:** Gunakan ini untuk mengedit kad nama.
 - **Padam:** Gunakan ini untuk memadam kad nama.
 - **Hantar dengan mesej teks:** Gunakan ini untuk menghantar kad nama melalui SMS.



Nota

- Anda juga boleh melampirkan kad nama apabila anda menulis mesej teks menggunakan fungsi Lampir. **Lihat** halaman 68.

- **Hantar dengan mesej multimedia:** Menghantar kad nama melalui MMS.

Status memori [Menu 5-7]

Anda boleh memeriksa status memori semasa untuk Mesej teks dan Mesej multimedia.



Kamera [Menu 6]

T5100 mempunyai kamera digital 1.3 Mega piksel yang membolehkan anda mengambil gambar pada peleraian maksimum 1280x960 piksel (juga disebut sebagai SXGA). Sensor CMOS menjamin imej definisi dan mutu tinggi. Mengambil gambar akan menjadi lebih seronok kerana fungsi-fungsi tambahan seperti Zum 4x (bergantung kepada peleraian), kawalan Kecerahan, Keseimbangan putih dan kesan Warna.

Dan denyar bersepadu membolehkan anda mengambil gambar walaupun pencahayaan kurang baik.

Dengan kamera bersepadu, anda juga boleh merakam klip video dan menggunakan servis VOD (Video on Demand), yang membolehkan anda memuat turun klip video dari WAP.

Tekan kekunci Menu (\square) dan pilih **Kamera** menggunakan kekunci-kekunci pandu arah.

Atau, anda boleh pergi ke menu ini dengan menekan \square atau \square dalam mod tunggu sedia.

! **Nota:** Jika bateri terlalu lemah, anda mungkin tidak boleh menggunakan ciri Kamera.



Ambil gambar [Menu 6-1]

Tekan kekunci Menu dan pilih **Kamera** → **Ambil gambar**. Atau, tekan kekunci hangat kamera (atau) lebih dari 2 saat dalam mod tunggu sedia. Anda dapat melihat pemandang tilik.

Sebelum mengambil gambar, tekan kekunci lembut kiri [Menu] untuk menetapkan nilai-nilai berikut.




- ① **Kecerahan:** Terdapat 6 gred:
- ② **Keseimbangan Putih:** Terdapat 5 tetapan: Auto, Siang hari, Pijar, Mendung, dan Pendarfluor.
- ③ **Peleraian:** Rujuk kepada halaman 81 untuk maklumat lanjut.
- ④ **Mod Warna:** Terdapat 5 tetapan: Warna, Mono, Sepia, Biru dan Negatif.
- ⑤ **Mod Tangkapan:** Pilih antara Gambar tunggal atau Gambar berbilang.
- ⑥ **Galeri foto:** Akses Galeri foto saya. Selepas mengambil gambar, anda boleh gunakan ini untuk memeriksa imej yang ditangkap.
- ⑦ **Keluar:** Pilih ini untuk keluar dari menu tetapan.

Untuk bergerak antara menu-menu tetapan, gunakan kekunci pandu arah kiri/kanan. Selepas menyerlahkan satu menu, tekan kekunci OK untuk membuka menu. Pilih nilai yang diinginkan menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan dan tekan kekunci OK untuk mengesahkannya.



Kamera [Menu 6]

Anda juga boleh menggunakan kekunci-kekunci berikut sebelum mengambil gambar.



- ① **Bar mengezum:** Anda boleh mengezum masuk/keluar menggunakan kekunci pandu arah atas/bawah (⬆️, ⬇️) atau kekunci tepi atas/bawah. Dan bar ini menunjukkan keadaan mengezum. Skala zum maksimum bergantung kepada saiz imej seperti berikut.

SXGA(1x) / VGA(4x) / QVGA(4x) / Panorama(1x)

- ② **Pemasa kendiri:** Untuk mengaktifkan/menyahaktifkan pemasa kendiri, tekan . Apabila pemasa kendiri diaktifkan, ditunjukkan.



Nota

- Anda boleh menetapkan masa tundaan yang diinginkan menggunakan menu **Mod pemasa** [Menu 6-6-4]

- ③ **Denyar:** Untuk menghidupkan/mematikan denyar, tekan . Apabila denyar dihidupkan, ditunjukkan.




Nota

- Anda boleh menetapkan mod denyar yang diinginkan menggunakan menu **Mod denyar** [Menu 6-6-5].




Mengambil satu gambar pegun ()

1. Dalam mod pandangan terdahulu, tekan kekunci lembut kiri [Menu] untuk membuka menu tetapan kamera.
2. Serlahkan **Mod Tangkapan** menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan dan tekan kekunci OK.
3. Pilih mod **Gambar Tunggal** ().




Nota

- Dalam mod Gambar tunggal, anda boleh memilih peleraian dari QVGA (320X240), VGA (640X480), SXGA (1280X960), dan Panorama (1280X640).

4. Selepas menyiapkan tetapan pilihan kamera, fokus pada subjek untuk menangkap dan tekan kekunci Kamera (). Dengan satu klik imej ditangkap dan kemudian disimpan secara automatik di dalam **Galeri foto saya** (Lihat halaman 88).

Mengambil berbilang gambar berturut-turut ()

1. Dalam mod pandangan terdahulu, tekan kekunci lembut kiri [Menu] untuk membuka menu tetapan kamera.
2. Serlahkan **Mod Tangkapan** menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan dan tekan kekunci OK.
3. Pilih mod **Gambar Berbilang** ().



Nota

- Dalam mod Gambar berbilang, anda boleh memilih peleraian antara QVGA (9 gambar) dan VGA (3 gambar).



Kamera [Menu 6]

- Selepas menyiapkan tetapan pilihan kamera, fokus pada subjek untuk menangkap dan tekan kekunci Kamera ($\sqrt{\text{RE}}$). Dengan satu klik imej ditangkap dan kemudian disimpan secara automatik di dalam **Galeri foto saya** (Lihat halaman 88).

Buat filem [Menu 6-2]

Anda boleh merakam video sehingga 30 minit. Tetapi ia bergantung kepada peleraian, muatan memori yang terdapat, dan kuantiti data yang hendak dimampatkan.

Tekan kekunci Menu dan pilih **Kamera** → **Buat filem**.

Anda boleh merakam klip video dalam menu ini dengan menekan kekunci Kamera ($\sqrt{\text{RE}}$).

- Sebelum penggambaran, anda boleh menetapkan nilai-nilai penggambaran yang diinginkan dengan menekan kekunci lembut kiri [Menu].



① ② ③ ④ ⑤

- Kecerahan:** Terdapat 6 gred:
- Keseimbangan Putih:** Terdapat 5 tetapan: Auto, Siang hari, Pijar, Mendung, dan Pendarfluor.
- Peleraian:** Pilih peleraian yang diinginkan dari QCIF(176X44), S-QCIF(128X96), dan MMS. Pilih MMS untuk klip video untuk hantar menggunakan mesej multimedia.
- Mod warna:** Terdapat 5 tetapan: Warna, Mono, Sepia, Biru, dan Negatif.

- Keluar:** Pilih ini untuk keluar dari menu tetapan.

Anda juga boleh menggunakan pilihan-pilihan yang berikut. (Untuk maklumat lanjut, lihat halaman 84.)

- Pemasa sendiri: Tekan $\sqrt{\text{RE}}$.
- Denyar: Tekan $\sqrt{\text{RE}}$.





2. Tekan kekunci Kamera untuk mula merakam klip video. "Merakam" muncul di skrin LCD.
3. Untuk menghentikan rakaman, tekan kekunci Kamera sekali lagi. Ia disimpan secara automatik di dalam **Galeri wayang saya** [Menu 6-5]. Dan anda boleh terus merakam klip video lain dengan menekan kekunci Kamera.

Penggambaran bingkai [Menu 6-3]

Tekan kekunci Menu dan pilih **Kamera** → **Penggambaran bingkai**.

Anda boleh menikmati pengambilan gambar dalam pelbagai bingkai-bingkai yang dipratetap. Terdapat 15 bingkai yang dipratetap.

1. Untuk memilih bingkai yang diingini untuk mengambil gambar, tekan kekunci lembut kiri [Menu].
2. Serlahkan Bingkai () menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan dan tekan kekunci OK.
3. Selepas memilih bingkai yang diingini, tekan kekunci OK.
4. Selepas keluar dari menu pilihan dengan memilih Keluar (), ambil satu gambar dengan menekan kekunci Kamera. Imej yang ditangkap disimpan secara automatik di dalam **Galeri foto saya** [Lihat halaman 88].



Nota

- Peleraian gambar-gambar bingkai ditetapkan pada 176x220 piksel.



Kamera [Menu 6]

Galeri foto saya [Menu 6-4]

Tekan kekunci Menu dan pilih **Kamera** → **Galeri foto saya**.

Semua imej pegun yang diambil dalam menu **Ambil gambar** disimpan dalam menu ini. Anda boleh melihat, mengatur dan menghantar gambar-gambar yang disimpan di dalam telefon anda.

1. Pilih gambar yang anda mahu dalam skrin penuh dan tekan kekunci OK. Atau tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] untuk mengakses submenu-submenu berikut.
 - **Paparan biasa:** Anda boleh melihat satu imej pada satu masa.
 - **Paparan multi/Paparan senarai:** (Ditunjukkan dalam paparan biasa) Pergi balik ke mod paparan multi/paparan senarai.
 - **Hantar dengan mesej multimedia:** Anda boleh menghantar imej terpilih melalui mesej multimedia.



Nota

- Untuk butiran, rujuk kepada **Mesej multimedia–Tulis** di halaman 69.
 - Oleh kerana saiznya yang besar, gambar-gambar yang peleraiannya SXGA tidak boleh dihantar melalui MMS. Telefon akan bertanya sama ada anda mahu menukar saiz gambar supaya boleh dihantar melalui MMS.
-
- **Tambah ke buku telefon:** Anda boleh menambah imej terpilih pada kenalan buku telefon untuk menggunakan ciri ID Pemanggil Foto.
 - **Persembahan slaid:** Memainkan balik setiap imej secara berturut-turut. Untuk berhenti sejenak/teruskan persembahan slaid, tekan kekunci lembut kiri. Untuk menghentikan persembahan slaid dan pergi balik ke Galeri foto saya, tekan kekunci lembut kanan.



- **Tetap sebagai kertas hias dinding:** Anda boleh menetapkan imej terpilih sebagai kertas hias dinding LCD dalaman atau kertas hias dinding LCD luaran.
- **Perlindungan fail:** Anda boleh mengunci/membuka kunci imej terpilih dengan memilih ini. Apabila imej dikunci, “🔒” ditunjukkan di sebelah kiri nama imej. Imej-imej yang dikunci tidak boleh dipadam.
- **Edit:** (Ditunjukkan dalam paparan biasa) Selepas memilih paparan biasa bagi imej, anda boleh mengeditnya seperti berikut. Selepas mengedit, imej yang ditukar boleh disimpan dengan menekan kekunci lembut kiri [Simpan]. Dan imej asal ditahan.
 - Penapis kesan: Anda boleh memberi pelbagai kesan kepada imej. Selepas memilih kesan yang diinginkan daripada 12 penapis kesan menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan, tekan kekunci lembut kiri [Simpan]. Imej yang ditukar disimpan.
 - Saiz semula: Anda boleh menukar saiz imej menggunakan kekunci pandu arah kiri/kanan.
 - Pangkas: Selepas menekan kekunci lembut kanan [Zum], anda boleh mengezum dengan kekunci lembut kanan/kiri. Dan memaparkan bahagian yang diinginkan menggunakan kekunci-kekunci pandu arah. Tekan kekunci OK. Imej yang dipangkas disimpan.
 - ❗ **Nota:** Imej-imej yang dipangkas tidak boleh diedit.
 - Putar: Anda boleh memutar imej 90, 180, atau 270 darjah.



Kamera [Menu 6]

Jadual di bawah menunjukkan ciri-ciri edit foto yang tersedia dalam setiap peleraian.

! Nota

Peleraian \ Foto edit	Kesan Penapis	Saiz semula:	Pangkas	Putar
QVGA (320X240)	O	X	O	O
VGA (640X480)	O	O	O	O
SXGA (1280X960)	X	O	O	X
PANORAMA (1280X640)	X	O	O	X
Imej dipangkas (176X220)	X	X	X	X
Imej disaiz semula dari PANORAMA (220X108)	X	X	X	X

- **Namakan semula :** Anda boleh menukar nama imej terpilih.
- **Padam:** Memadam imej terpilih.
- **Padam berbilang:** (Ditunjukkan dalam mod paparan multi) Anda boleh memadam beberapa imej pada satu masa. Pilih imej untuk dipadam menerusi senarai dengan menekan kekunci OK, kemudian tekan kekunci lembut kiri [Padam].
- **Padam semua:** Memadam semua imej di dalam telefon anda.
- **Lihat butir:** Anda boleh memeriksa tajuk, peleraian, saiz, dan tarikh dan masa bagi imej terpilih.



Album filem [Menu 6-5]

Tekan kekunci Menu dan pilih **Kamera** → **Album filem**.









Senarai semua klip video yang dirakamkan dibuka. Pilih klip video yang diinginkan menggunakan kekunci pandu arah atas/bawah, kemudian tekan kekunci OK. Atau anda boleh mengakses submenu berikut menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan].

- **Main:** Memainkan klip video terpilih.
- **Perlindungan fail:** Anda boleh mengunci/membuka kunci klip video terpilih dengan memilih ini. Apabila klip video dikunci, “🔒” ditunjukkan di sebelah kiri nama klip video.
- **Namakan semula :** Anda boleh menukar tajuk klip video terpilih.
- **Padam:** Memadam klip video terpilih.
- **Padam berbilang:** Anda boleh memadam beberapa klip video sekali gus. Pilih klip video untuk dipadam menerusi senarai dengan menekan kekunci OK, kemudian tekan kekunci lembut kiri [Padam].
- **Padam semua:** Anda boleh memadam semua klip video di dalam telefon anda.

Semasa menonton klip video, anda boleh menggunakan kekunci-kekunci berikut.




Kamera [Menu 6]

Untuk berhenti sejenak/ teruskan main balik.	Tekan kekunci OK ().
Untuk menukar pilihan main (antara sekali dengan ulang).	Tekan kekunci lembut Kiri ().
Untuk melangkau ke belakang.	Gunakan kekunci pandu arah Kiri ().
Untuk melangkau ke depan.	Gunakan kekunci pandu arah Kanan ().
Untuk menambah volum.	Tekan kekunci pandu arah Atas ()/ kekunci tepi Atas.
Untuk mengurangkan volum.	Tekan kekunci pandu arah Bawah ()/ kekunci tepi Bawah.
Untuk menghentikan main balik dan pergi semula ke Galeri wayang saya.	Tekan kekunci Padam (), atau kekunci lembut Kanan ()



Nota

- Untuk keluar dari skrin main balik, tekan kekunci lembut kanan atau  beberapa kali.

Tetapan kamera [Menu 6-6]

Tekan kekunci Menu dan pilih **Kamera** → **Tetapan kamera**.

Dalam menu ini, anda boleh melihat pilihan-pilihan berikut.

- 1. Mutu imej:** Pilih mutu imej yang diinginkan yang hendak ditangkap.
Lebih tinggi mutu imej, lebih banyak memori yang digunakan.
- 2. Bunyi pengatup:** Pilih bunyi pengatup yang diinginkan.
- 3. Gaya galeri:** Pilih gaya Galeri foto saya yang diinginkan antara **Paparan senarai** dan **Paparan multi**.
- 4. Mod pemasa:** Pilih masa tunda yang diinginkan apabila mengaktifkan pemasa sendiri.



5. Mod denyar: Pilih mod denyar yang diingini antara **Sekali** dan **Berterusan**.

- **Sekali:** Selepas mengambil satu gambar, denyar dimatikan.
- **Berterusan:** Denyar terus aktif. Oleh itu, mod denyar **Berterusan** akan menggunakan kuasa bateri telefon dengan lebih cepat.

6. Jarak waktu persembahan slaid: Pilih masa selang persembahan slaid yang diingini antara **3 saat** dan **5 saat**.

Status memori [Menu 6-7]

Tekan kekunci Menu dan pilih **Kamera** → **Status memori**.

Anda boleh memeriksa status memori semasa di telefon. **Imej**, **Filem** dan **Pemain MP3** berkongsi memori.



Multimedia [Menu 7]

Pemain MP3 [Menu 7-1]

Telefon T5100 mempunyai pemain MP3 bersepadu terbina dalam. Anda boleh berseronok mendengar fail-fail muzik MP3 di dalam telefon anda menggunakan alat dengar yang serasi atau pembesar suara dalaman.



Nota

- Oleh kerana saiz pembesar suara yang kecil, dalam sesetengah kes, audionya mungkin terganggu, terutamanya pada volum maksimum dan apabila terdapat banyak bunyi bes. Oleh itu, kami mengesyorkan anda gunakan alat dengar stereo supaya dapat menikmati mutu tinggi muzik anda.

Pemain MP3 menyokong:

- **MPEG-1 Layer III:** Frekuensi pensampelan sehingga 48KHz, Kadar bit sehingga 240Kbps, stereo.
- **MPEG-1 Layer III:** Frekuensi pensampelan sehingga 24KHz, Kadar bit sehingga 160Kbps, stereo.

Anda boleh memindahkan fail-fail MP3 dari PC yang serasi ke memori di dalam telefon anda menggunakan program Mobile Agent (atau program PC sync) pada CD-ROM di dalam bungkusan jualan. Apabila anda menyambungkan telefon kepada PC menggunakan kabel USB (yang dibekalkan di dalam bungkusan yang sama), anda perlu memasang pemacu. Pilih T5100.inf. Untuk butiran lanjut, rujuk kepada buku panduan CD-ROM.



Nota

- PC harus menjalankan sistem pengendalian Windows 98 SE, Windows 2000, Windows ME, atau Windows XP.
- Di samping memuat turun fail-fail MP3 ke telefon, anda boleh memuat naik gambar-gambar dan wayang yang diambil pada telefon ke PC menggunakan kabel USB. Untuk memuat turun nada deringan, kertas hias dinding, atau permainan Java, kabel siri diperlukan. Dan anda juga boleh mengurus buku telefon, jadual, dan peti mesej pada PC dengan kabel siri. Hubungi wakil penjual berdaftar untuk ketersediaan aksesori-aksesori.

Fail-fail MP3 disenaraikan di dalam menu **Pemain MP3** [Menu 7-1].



1. Tekan kekunci Menu dan pilih **Multimedia** → **Pemain MP3**. Senarai trek MP3 ditunjukkan.
2. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] untuk mengakses menu berikut.
 - **Main:** Memainkan balik semua trek bermula daripada trek yang dipilih.
 - **Padam:** Memadam trek terpilih.
 - **Padam semua:** Memadam semua trek dan mengosongkan memori pemain MP3.
 - **Namakan semula :** Pilih ini untuk menamakan semula trek terpilih.
 - **Butir:** Memaparkan maklumat trek seperti nama, masa berjalan, dan saiz fail.
 - **Status memori:** Anda boleh memeriksa status memori semasa telefon.



Multimedia [Menu 7]











Nota

- Setelah Pemain MP3 dimulakan, menutup telefon atau membuka semula telefon tidak akan menjejaskan main balik MP3. Anda boleh mematikan pemain MP3 dengan menekan kekunci Tamat () apabila telefon dibuka. Dan apabila telefon ditutup, anda boleh mematikan pemain itu dengan menekan dan menahan kekunci pemain MP3 () di sebelah kanan telefon.

Operasi-operasi penting di dalam Pemain MP3

Anda boleh menggunakan kekunci-kekunci pintasan di dalam senarai trek MP3.

Untuk main balik/ berhenti sejenak	Tekan  .
Untuk menukar pilihan-pilihan berulang semasa main balik  : Sekali,  : Ulang,  : Semua ulang	Tekan kekunci lembut kiri () berulang kali.
Untuk mengundurkan semula trek semasa	Tekan dan tahan kekunci pandu arah kiri () sehingga anda menemui tempat yang ingin anda dengar.
Untuk memajukan cepat trek semasa	Tekan dan tahan kekunci pandu arah kanan () sehingga anda menemui tempat yang ingin anda dengar.
Untuk melangkau ke trek yang sebelumnya	Tekan kekunci pandu arah kiri ()



Untuk melangkau ke trek yang seterusnya	Tekan kekunci panduan arah kanan (⏪).
Untuk menghentikan main balik	Tekan (⏮) atau kekunci lembut kanan (⏭).
Untuk melaras volum	Gunakan kekunci-kekunci tepi (⏮) di sebelah kiri telefon atau kekunci panduan arah atas/bawah.



Nota

Memainkan fail MP3 tanpa membuka telefon



Kekunci pemain MP3

Anda boleh mengaktifkan pemain MP3 dalam keadaan telefon ditutup. Tekan kekunci pemain MP3 (Ⓞ) di sebelah kanan telefon. Ia melancarkan main balik.

- ▶ Untuk melangkau ke trek seterusnya, tekan kekunci pemain MP3 (⏪).
- ▶ Untuk menghentikan main balik, tekan dan tahan kekunci pemain MP3 (⏮).
